

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
[BATU GAJAH]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tentang kelayakan tenaga pengajar program TVET yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan swasta. Apakah latihan-latihan pemerkasaan kemahiran yang disediakan kepada tenaga pengajar yang sedia ada untuk memastikan mereka mengikuti perkembangan terbaru dalam bidang teknikal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) sangat komited dalam menyediakan tenaga pengajar yang kompeten dan berkemahiran untuk penyampaian pengajaran dan latihan TVET kepada para pelajar dengan lebih berkesan.

Oleh itu, peningkatan kemahiran tenaga pengajar dilaksanakan secara berterusan bermula daripada lantikan jawatan dibuat bagi meningkatkan kemahiran tenaga pengajar di Politeknik dan Kolej Komuniti. Dalam hal ini, terdapat dua (2) jenis latihan yang disediakan oleh JPPKK iaitu:

(i) **Latihan peningkatan kompetensi** yang terdiri daripada:

- **Program Kepimpinan Instruksional dan Pembangunan Andragogi (KIPA)** melibatkan tenaga-tenaga pengajar di

Politeknik dan Kolej Komuniti yang baharu dilantik dan tidak mempunyai kelayakan ikhtisas pendidikan; dan

- **Program *Refresher*** melibatkan PPPT yang baharu ditempatkan semula di Politeknik atau Kolej Komuniti sebagai tenaga pengajar setelah lama menyandang jawatan pengurusan dan tidak terlibat secara langsung dengan proses pembelajaran dan pengajaran.
- (ii) **Latihan peningkatan kompetensi mengikut bidang pengkhususan.** Bagi tujuan ini, pensyarah digalakkan menjalani sangkutan industri untuk mendapatkan kemahiran berkaitan teknologi terkini dan amalan baik yang diamalkan di industri. Di samping itu, Jabatan turut menekankan elemen pensijilan profesional mengikut keperluan dari semasa ke semasa kepada pegawai-pegawai dalam bidang tumpuan iaitu teknologi 4IR dan pendigitalan seperti *electric vehicle*, *immersive technology*, *artificial intelligence* (AI) dan *Internet of Things* (IoT).

Sepanjang tempoh tiga (3) tahun yang lalu, seramai 594 tenaga pengajar Politeknik dan Kolej Komuniti telah mengikuti latihan sangkutan industri di syarikat swasta dan agensi kerajaan berkenaan.

Sekian, terima kasih.